

## KELEBIHAN BULAN SYAABAN DAN NISFU SYAABAN

### 03 MAC 2023/10 SYAABAN 1444H

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يُضْلِلُ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، إِتَّقُوا اللَّهَ وَأُووصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ يَتَّقُوا اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala laranganNya. Mudah-mudahan kita diberkati dan direndai Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dunia dan akhirat.

#### Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala

Syaaban adalah bulan yang kelapan dalam kalendar Islam. Dinamakan bulan Syaaban kerana padanya terdapat kelebihan yang banyak. Sebahagian daripada ulama turut mengatakan bahawa memperbanyakkan amalan pada bulan Syaaban adalah sebagai persediaan untuk menghadapi kehadiran Ramadan. Imam Dzu al-Nun al-Mishri mengatakan, “*Rejab adalah bulan menanam, Syaaban bulan*

*menyiram, dan Ramadan bulan menuai. Setiap orang akan menuai atas apa yang ia tanam. Sesiapa yang mensia-siakan tanaman akan menyesal pada hari menuai."*

Firman Allah Subhanahu wa-Ta'ala dalam surah al-Hajj ayat 77

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ  
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا ارْكَعُوا وَاسْجُدُوا وَاعْبُدُوا رَبَّكُمْ وَافْعُلُوا الْخَيْرَ  
لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٧٧﴾

**Yang bermaksud:** "Wahai orang yang beriman! Rukuklah kamu, sujudlah kamu (mendirikan solat), sembahlah Tuhanmu (dengan mentauhidkanNya) dan berbuatlah kebijakan supaya kamu mendapat kemenangan (di dunia dan di akhirat)!".

Ayat 77 surah al-Hajj adalah dalil umum bahawa kita diperintahkan supaya mendirikan solat dan melakukan pelbagai ketaatan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala sepanjang masa termasuklah bulan dan malam nisfu Syaaban.

Menurut pendapat sebahagian ulama, antara amalan yang digalakkan pada bulan Syaaban adalah memperbanyakkan berpuasa sunat. Baginda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sendiri banyak berpuasa sunat pada bulan Sya'ban berbanding bulan-bulan yang lain. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pernah ditanya kenapa baginda melebihkan berpuasa sunat pada bulan Syaaban berbanding bulan-bulan yang lain. Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam menjawab dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Nasa'ie:

ذَلِكَ شَهْرٌ يَغْفِلُ النَّاسُ عَنْهُ يَعْنِي بَيْنَ رَجَبٍ وَرَمَضَانَ وَهُوَ شَهْرٌ تَرْفَعُ  
الْأَعْمَالُ فِيهِ إِلَى رَبِّ الْعَالَمِينَ فَأَحِبُّ أَنْ يَرْفَعَ عَمَلِي وَأَنَا صَائِمٌ

**Yang bermaksud:** “Itulah bulan yang ramai orang lalai (tentang keistimewaannya), ia berada antara (bulan) Rejab dan Ramadan. Ia juga adalah bulan yang diangkat amalan-amalan kepada Tuhan sekelian alam. Maka aku suka amalanku diangkat, ketika itu aku (sedang) berpuasa”.

Bersegeralah menggantikan puasa yang di tinggalkan pada bulan Ramadan yang lepas sekiranya ada. Saidatuna A’isyah Radiyallahuanha berkata dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dan Muslim:

كَانَ يَكُونُ عَلَى الصَّوْمَمِ مِنْ رَمَضَانَ فَمَا أَسْتَطِيعُ أَنْ أَقْضِيَ إِلَّا فِي شَعْبَانَ

**Yang bermaksud:** *Aku mempunyai (hutang) puasa (wajib) di bulan Ramadan, aku tidak dapat mengqadhanya (mengantinya) kecuali di bulan Sya’ban.*

### Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta’ala

Pada malam Nisfu Syaaban adalah malam yang kita digalakkan supaya menghidupkannya dengan memperbanyak ibadah seperti membaca al-Quran, bertaubat dan beristighfar serta Qiamullail dengan solat-solat sunat. Allah Subhanahu wa-Ta’ala telah memberi kelebihan secara khusus pada malam Nisfu Syaaban dengan menjanjikan keampunan kepada semua hamba-Nya kecuali orang

yang musyrik dan orang yang bermusuhan. Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ibnu Majah:

إِنَّ اللَّهَ لَيَطْلُعُ فِي لَيْلَةِ النِّصْفِ مِنْ شَعْبَانَ فَيَغْفِرُ لِجَمِيعِ خَلْقِهِ إِلَّا لِمُشْرِكِهِ

أَوْ مُشَاجِنِ

**Yang bermaksud:** “Sesungguhnya Allah memerhatikan (para hambanya) pada malam Nisfu Sya’ban, Maka (lalu) Dia mengampunkan (dosa-dosa) kesemua makhluknya (yang beriman), melainkan orang yang syirik dan orang yang bermusuhan (sesama mereka).”

### Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta’ala

Pada malam Nisfu Syaaban telah menjadi amalan masyarakat Islam di Malaysia dan negara Islam yang lain membaca surah Yaasin sebanyak tiga kali, berdoa, bertahlil, berwirid dan sebagainya. Amalan sebegini adalah termasuk amalan yang menghidupkan malam Nisfu Syaaban yang tidak bertentangan dengan syariat Islam. Malah disebutkan oleh Imam Abdul Ghani bin Ismail an-Nablusi dalam kitabnya *Fadha’il al-Ayyam wa al-Syuhur* antara amalan para solehin pada malam ini selepas solat fardu Maghrib dan Sunat Ba’diahnya ialah dibaca surah Yaasin 3 kali. Jika sekiranya tidak sempat melakukannya selepas solat Maghrib mereka akan melakukannya selepas solat Isyak.

Sesungguhnya membaca al-Quran pada waktu malam itu adalah amalan *salafussoleh* dan mereka sangat mengalakkan supaya membaca al-Quran pada waktu malam walaupun sekejap dan membaca surah Yaasin juga adalah termasuk

daripada membaca al-Quran. Telah diriwayatkan daripada Ibrahim An-Nakhaie beliau telah berkata :

إِقْرَأُوهَا مِنَ اللَّيْلِ وَلَوْ حَلَبَ شَاءٌ

**Yang bermaksud:** *Bacalah kamu semua akan al-Quran pada waktu malam walaupun selama kadar masa memerah susu kambing.”*

Malam Nisfu Syaaban juga adalah waktu mustajab doa. Imam al-Syafi'i menyatakan dalam kitab al-Umm:

“Sesungguhnya doa dikabulkan pada lima malam: Malam Jumaat, malam Hari Raya Idul Adha, malam hari raya Idul Fitri, malam pertama bulan Rejab dan malam Nisfu Syaaban.”

### **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala**

Apabila kita telah mengetahui betapa besarnya kelebihan dan keistimewaan yang terdapat pada bulan Syaaban ini, maka sewajarnya kita merebut peluang keemasan ini dengan sebaik-baiknya. Marilah kita bersama-sama mengajak ahli keluarga dan saudara mara serta jiran tetangga untuk mendirikan solat berjemaah di masjid-masjid, menghadiri majlis-majlis ilmu, memperbanyakkan puasa sunat, membaca al-Quran, menghulurkan bantuan kepada golongan yang memerlukan dan lain-lain lagi. Ini semua dilakukan semata-mata untuk mendapatkan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Renungilah Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam surah Ali-'Imran ayat 133

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ  
وَسَارِعُوا إِلَى مَغْفِرَةٍ مِّنْ رَّبِّكُمْ وَجَنَّةٍ عَرَضْهَا السَّمَاوَاتُ وَالْأَرْضُ أَعْدَتُ  
**لِلْمُتَّقِينَ**

**Yang bermaksud:** “Dan bersegeralah kamu kepada (mengerjakan amal-amal yang baik untuk mendapat) keampunan daripada Tuhan kamu, dan (mendapat) syurga yang luasnya seluas langit dan bumi, yang disediakan bagi orang yang bertaqwa”.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنْ  
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقْبَلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلًا هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ  
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ  
إِنَّهُ هُوَ الْغُفُورُ الرَّحِيمُ.